



ROSNAH BINTI ISHAK

Penglibatan Remaja dalam Pekerjaan

INTISARI: Sektor pekerjaan di Malaysia berkembang dengan sangat pesat. Perkembangan ini menarik minat banyak pihak untuk turut terlibat dalam kerancakan perkembangan ekonomi tersebut, termasuklah golongan remaja. Penglibatan remaja sebagai tenaga kerja selalu diambil tidak endah oleh sebahagian besar masyarakat, kerana mereka dianggap bekerja secara sambilan sahaja. Remaja dianggap sebagai golongan yang tidak serius dalam pekerjaan dan mudah bertukar pekerjaan. Oleh kerana remaja adalah golongan dalam peringkat umur yang selalu diniisahkan dengan pelbagai masalah, persepsi negatif tersebut juga turut dilemparkan kepada remaja yang bekerja. Justeru, remaja bekerja juga dianggap sebagai remaja bermasalah. Mereka dilabel sebagai remaja yang kurang pendidikan, malas belajar, dan tiada daya usaha untuk memajukan diri dengan pendidikan. Sangat kurang kajian yang dapat menerobos dan memperincikan kenapa remaja memilih untuk bekerja. Masyarakat umumnya beranggapan, remaja yang terlibat sebagai tenaga kerja atau melibatkan diri dalam sektor pekerjaan sangat kecil bilangannya. Namun, statistik dalam Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2013, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa seramai hampir dua juta tenaga kerja warganegara Malaysia berumur antara 15-24 tahun. Ini bermakna bahawa lebih daripada enambelas peratus (16.8%) tenaga kerja Malaysia adalah dalam kategori umur remaja, yang terlibat dalam pelbagai sektor pekerjaan. Angka ini bukan kecil. Justeru, artikel ini membincangkan dan mengupas senario tersebut serta implikasinya berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, iaitu Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013.

KATA KUNCI: Remaja; Pekerjaan; Remaja Bekerja; Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh; Jabatan Perangkaan Malaysia.

ABSTRACT: "Teenagers Involvement in the Workforce". Job sectors in Malaysia have developed rapidly. It is of interest to many parties to participate in the economic development boom, including the teenagers. The involvement of teenagers as the workforce is not always taken serious by most of the community, because they are considered as part-time workers. Teenagers are portrayed as those who are not serious about the job and easily change the jobs. Due to the teenagers is the age group that is always attributed to a variety of problems, so the negative perceptions were also thrown at working teenagers. Accordingly, working teenagers are also regarded as troubled teens. They are labelled as uneducated, lazy learners, and have no effort to advance theirs through education. Not many studies done to find out and analyze why adolescents choose to work. Many of us generally think that the teenagers involved as employees or engaged in the employment sector were very small. However, statistics of Labour Force Survey Report 2013 released by the Department of Statistics showed that a total of nearly two million workforce aged between 15-24 years. This means that more than sixteen percents (16.8%) of Malaysia's workforce is in the age category of teenagers involved in various employment sectors. This figure is not small in number. Therefore, this article discusses and analyzes these scenario based on data in Labour Force Survey Report 2013 released by the Department of Statistics in Malaysia.

KEY WORD: Adolescent; Employment; Working Teenagers; Labour Force Survey Report; Department of Malaysia' Statistics.

About the Author: Dr. Rosnah binti Ishak ialah Pensyarah Kanan Hubungan Industri di Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan UMS (Universiti Malaysia Sabah), Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus di: rosnery.rosnah@gmail.com dan drrosnah@ums.edu.my

How to cite this article? Ishak, Rosnah binti. (2015). "Penglibatan Remaja dalam Pekerjaan" in SIPATAHOENAN: South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education, Vol.1(2) October, pp.219-228. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, APAKSI Bandung, and KEMENPORA RI Jakarta, ISSN 2407-7348.

Chronicle of the article: Accepted (June 25, 2015); Revised (August 17, 2015); and Published (October 28, 2015).

PENDAHULUAN

Remaja bekerja adalah satu kumpulan kecil masyarakat yang sangat jarang diberi perhatian oleh kebanyakan pengkaji. Pengalaman menjelajahi pelbagai jurnal dalam dan luar negara sukar menemukan kajian berkaitan dengan remaja yang bekerja. Memang banyak kajian tentang remaja, sementelahannya remaja sentiasa menjadi pusat perbincangan kepada pelbagai masalah. Remaja diisbatkan dengan pelbagai masalah – ponteng sekolah, merokok, menagih dadah, pergaulan bebas yang membawa kepada zina, mengandung luar nikah, dan lari dari rumah, sehingga kepada pelbagai jenayah besar, seperti merompak dan merogol.

Perkataan remaja sudah menjadi sinonim dengan masalah. Justeru, kajian terhadap remaja sangat cenderung kepada masalah yang dikaitkan dengan remaja. Scenario ini tidak hanya berlaku dalam Malaysia, malah di beberapa negara lain juga (*cf* Malek & Kamil, 2010; dan Barus, 2013). Perkembangan peringkat remaja perlu dikaji dari pelbagai sudut untuk memahami kenapa mereka melibatkan diri atau terlibat dalam pelbagai masalah sosial dan personaliti. Namun, sangat sedikit kajian yang menyoroti usaha remaja untuk bekerja demi memperbaiki taraf hidup keluarga atau yang mengambil peranan sebagai ketua keluarga.

Dasar Pendidikan Malaysia telah menetapkan umur pendidikan wajib sehingga tingkatan lima, iaitu umur 17 tahun, yang menyebabkan rata-rata masyarakat menganggap bahawa murid sekolah akan terus menyambung persekolahan mereka sehingga tamat tingkatan lima. Namun, perangkaan dalam *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa seramai 413,100 tenaga kerja warganegara Malaysia berada dalam kategori umur 15 – 19 tahun (JPM, 2014). Ini bermakna, hampir setengah juta murid tidak menyambung atau tidak menghabiskan pelajaran di peringkat menengah atas, iaitu tingkatan empat dan lima.

Angka ini bukan sedikit jumlahnya. Selepas pendidikan wajib tersebut, masih ramai murid yang menyambung pengajian ke peringkat pra-universiti, matrikulasi, diploma, atau sijil kemahiran. Namun, perangkaan daripada laporan tersebut menunjukkan bahawa seramai 1,572,500 tenaga kerja di Malaysia berada dalam kategori umur 20 – 24 tahun. Ini menunjukkan masih ramai remaja Malaysia hanya menamatkan pengajian peringkat menengah atas, sijil atau diploma sahaja. Jika dicampurkan kedua-dua angka tersebut, ini bermakna hampir dua juta (1,985,600) tenaga kerja di Malaysia berada dalam kategori umur remaja (JPM, 2014).

Mungkin kerana terlalu dimomokkan dengan pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan remaja, kita terlepas pandang bahawa ada sebahagian remaja yang sudah memikul tanggungjawab dalam sektor pekerjaan dalam usia yang sangat muda. Mereka ini perlu diberi perhatian agar dapat terus bersaing dalam dunia pekerjaan dengan kelebihan pengalaman dan kemahiran; dan tidak terus menjadi pekerja bawahan seumur hidup.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau maklumat demografi dari segi etnik, jantina, dan lokasi pekerjaan remaja dalam dua kategori umur, iaitu 15- 19 tahun dan 20-24 tahun. Selain itu, taraf pekerjaan dan kadar penyertaan remaja dalam tenaga kerja juga dibincangkan berdasarkan *Laporan Penyiasatan Tenaga Kerja Malaysia 2013*. Kajian ini diharap dapat membuka mata dan minda para akademik, pengkaji, pemimpin, dan aktivis masyarakat agar dapat melihat golongan remaja daripada sudut pandang yang berbeza.

Di sebalik pelbagai konotasi negatif yang dilemparkan terhadap remaja, akibat masalah tingkah-laku sebahagian kecil daripada mereka, remaja yang terlibat dalam alam pekerjaan sewalum umur belasan tahun ini telah memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat melalui pekerjaan. Menyedari hakikat bahawa remaja ini telah berperanan dalam memikul tanggungjawab menyumbang kepada ekonomi negara, adalah lebih baik perhatian

dan tumpuan diberikan bagi membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran dan taraf kehidupan mereka untuk masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai isu timbul melibatkan tenaga kerja yang berusia muda. Antaranya ialah persoalan kenapa remaja memilih untuk bekerja. Kajian oleh J.C. Anyanwu (2013) menunjukkan bahawa ada pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan remaja untuk meninggalkan alam persekolahan dan bekerja, seperti faktor demografi, globalisasi, infrastruktur, dan tren remaja bekerja. Selain dapatkan tersebut, J.C. Anyanwu juga menyimpulkan bahawa remaja melibatkan diri dalam pekerjaan atas faktor kewangan (Anyanwu, 2013).

Selain kajian tersebut, kajian oleh R. Tharmmapornphilas (2013) juga menunjukkan bahawa adanya kaitan faktor kewangan dan sosio-ekonomi terhadap keputusan remaja untuk bekerja (Tharmmapornphilas, 2013). Manakala, kajian oleh J.G. Bachman *et al.* (2013) menunjukkan bahawa dua faktor utama remaja melibatkan diri dalam pekerjaan adalah faktor kewangan dan kehilangan minat untuk belajar. Namun, faktor kewangan mungkin bukan penyebab kenapa remaja memilih untuk bekerja (Bachman *et al.*, 2013).

Dapatkan kajian oleh D.S. Johnson & M. Lino (2000) menunjukkan bahawa remaja yang bekerja sebenarnya tidak banyak menyumbang kepada ekonomi keluarga. Jika remaja bekerja bukan dengan tujuan untuk menyumbang kepada ekonomi keluarga, mungkin ada faktor-faktor lain yang mendorong mereka berbuat demikian, seperti mengikut tren kawan-kawan atau pengaruh globalisasi (*cf* Johnson & Lino, 2000; dan Anyanwu, 2013). Faktor-faktor ini perlu dikaji lebih mendalam supaya generasi pelapis kepimpinan negara tidak membazirkan potensi mereka secara sia-sia, tanpa berusaha meningkatkan kemahiran dan pendidikan mereka agar memperolehi pekerjaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Selain itu, isu lain berkaitan remaja bekerja ialah isu peranan dan tanggungjawab yang dipikul dalam usia muda. Remaja bekerja dalam dua keadaan: satu secara sepenuh masa, dan satu keadaan lagi adalah secara separuh masa. Sekiranya remaja bekerja secara sepenuh masa, tanggungjawab mereka lebih mudah kerana mereka hanya berperanan sebagai pekerja. Namun, bagi remaja yang bekerja sambil meneruskan pelajaran, tanggungjawab mereka adalah berat.

Kajian oleh A.A. Da Luz *et al.* (2012) dan J. Leos-Urbel (2014) menunjukkan bahawa pekerjaan separuh masa tersebut memberi impak yang tidak baik terhadap persekolahan remaja, terutamanya jika melibatkan waktu kerja yang panjang. Walau bagaimanapun, bekerja dalam usia muda juga membantu menjadikan seseorang remaja itu lebih bertanggungjawab (Da Luz *et al.*, 2012; dan Leos-Urbel, 2014).

Kajian oleh I. Salusky *et al.* (2014) menunjukkan bahawa tahap tanggungjawab remaja bekerja adalah lebih tinggi berbanding remaja seusia yang tidak bekerja (Salusky *et al.*, 2014). Selain itu, kajian oleh K.A. Cunnier, N.M. Rogers & J.T. Mortimer (2009) mendapati bahawa remaja bekerja berupaya membina tahap kecekapan diri yang tinggi (Cunnier, Rogers & Mortimer, 2009).

Dapatkan tersebut juga hampir sama, seperti yang dilakukan oleh R. Kaestner *et al.* (2013), yang menemui bahawa pekerjaan mempunyai kesan positif terhadap perkembangan diri remaja yang bekerja. Atas faktor ini, remaja harus diperkasakan. Mereka harus diberikan bimbingan agar menjadi pekerja yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang kerja mereka, melalui kelebihan pengalaman yang mereka miliki (Kaestner *et al.*, 2013).

Satu lagi isu berkaitan remaja bekerja ialah isu kesihatan dan keselamatan. Banyak kajian di negara-negara Barat, seperti yang dilakukan oleh D. Linker *et al.* (2005) dan C.W. Runyan *et al.* (2009), menunjukkan bahawa ada pelbagai isu kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan remaja bekerja. Usia yang muda, dengan kemampuan fizikal yang terhad, memungkinkan remaja

terdedah dengan pelbagai masalah kesihatan, terutama bagi mereka yang bekerja dalam sektor perladangan, pembinaan, dan perindustrian (Linker *et al.*, 2005; dan Runyan *et al.*, 2009).

Selain faktor kesihatan, remaja bekerja juga kurang perihatian terhadap faktor keselamatan. Mungkin kerana tujuan bekerja adalah untuk membantu ekonomi keluarga, remaja kurang mengambil berat soal keselamatan mereka semasa melakukan pekerjaan tersebut. Mereka juga jarang dilindungi oleh polisi insuran dan sebagainya, kerana jenis pekerjaan yang diceburi biasanya bersifat sementara atau kontrak sahaja. Justeru, remaja bekerja harus diberikan pengetahuan tentang hak mereka sebagai pekerja, dan selalu bersedia dengan risiko kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Banyak negara yang sedang membangun, seperti Brazil, telah memulakan langkah untuk mengambil berat kebijakan para remaja yang bekerja (Campos *et al.*, 2014). Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa para remaja dapat dibantu untuk mengembangkan potensi diri, dan seterusnya meningkatkan taraf sosio-ekonomi bagi remaja yang mengalami masalah ekonomi keluarga. Tindakan ini sangat perlu bagi membantu remaja meningkatkan pendapatan dan taraf hidup di masa hadapan, dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka.

Namun, bagi remaja yang memilih untuk bekerja atas faktor yang lain, kaedah lain yang bersesuaian perlu difikirkan bagi membantu mereka menjadi pekerja yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang kerja yang mereka ceburi.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini meneliti data sekunder, iaitu statistik tenaga buruh yang melibatkan remaja warganegara Malaysia dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dalam *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*.

Data-data perangkaan ditafsir secara kualitatif dan deskriptif (*cf* Creswell, 1998;

dan Bungin, 2003), supaya memperolehi gambaran sebenar mengenai remaja yang terlibat dalam alam pekerjaan di Malaysia; dan telah memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat melalui pekerjaan berkenaan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1, jumlah tenaga kerja Bumiputera (Melayu dan lain-lain etnik Bumiputera di Sabah dan Sarawak) adalah menghampiri satu setengah juta orang. Seramai kira-kira 311,300 orang remaja Bumiputera berumur 15-19 tahun, manakala lebih daripada satu juta orang remaja Bumiputera beumur 20-24 tahun. Jumlah ini bersamaan dengan 18.2% daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh Bumiputera, iaitu 7,786,600 orang.

Jumlah tenaga kerja bagi remaja berbangsa Cina pula menghampiri setengah juta orang. Seramai kira-kira 67,000 orang remaja Cina berumur 15-19 tahun, manakala 339,200 lagi berumur dalam lingkungan 20-24 tahun. Jumlah ini bersamaan dengan 13.2% daripada keseluruhan tenaga buruh berbangsa Cina di Malaysia, iaitu 3,076,100 orang.

Tenaga buruh remaja berbangsa India pula menghampiri angka 150,000 orang. Seramai kira-kira 28,000 orang remaja India berumur dalam lingkungan 15-19 tahun, manakala kira-kira 111,000 orang lagi berumur 20-24 tahun. Jumlah ini bersamaan dengan 15.8% daripada keseluruhan tenaga buruh berbangsa India, iaitu 878,600 orang.

Manakala, tenaga buruh dalam kalangan remaja lain-lain bangsa tidak begitu ramai, iaitu menghampiri 25,000 orang sahaja. Seramai kira-kira 7,000 orang daripada mereka berumur dalam lingkungan 15-19 tahun, manakala 17,400 orang lagi dalam lingkungan umur 20-24 tahun. Namun, jumlah ini sebenarnya meliputi sebanyak 27.1% daripada keseluruhan jumlah tenaga buruh dalam kategori lain-lain bangsa, iaitu 89,800 orang.

Secara keseluruhan, jumlah tenaga buruh remaja ialah kira-kira 1,985,600 orang, iaitu bersamaan dengan 16.8% daripada

Jadual 1:

Tenaga Buruh Remaja Mengikut Kumpulan Umur dan Etnik

Kumpulan Umur	Bumiputera	Cina	India	lain
Jumlah Keseluruhan	7,786,600	3,076,100	878,600	89,800
15-19	311,300	66,800	28,100	6,900
%	4.0	2.2	3.2	7.7
20-24	1,105,300	339,200	110,600	17,400
%	14.2	11.0	12.6	19.4
Jumlah Remaja	1,416,600	406,000	138,700	24,300
%	18.2	13.2	15.8	27.1

Sumber: "Jadual A2.2" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014).

Jadual 2:

Tenaga Buruh Remaja Mengikut Jantina

Kumpulan Umur	Lelaki	Perempuan
Jumlah Keseluruhan	7,202,500	4,628,700
15-19	266,000	147,000
%	3.7	3.2
20-24	919,100	653,500
%	12.8	14.1
Jumlah Remaja	1,185,100	800,500
%	16.5	17.3

Sumber: "Jadual A2.3" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014).

keseluruhan tenaga kerja warganegara Malaysia yang berjumlah 11,831,200 orang. Data ini menunjukkan bahawa lebih daripada enambelas peratus daripada tenaga kerja di Malaysia berada dalam kategori umur remaja. Periksa semula jadual 1.

Berdasarkan jadual 2, jumlah remaja lelaki yang terlibat dalam sektor pekerjaan ialah seramai 1,185,000 orang. Seramai 266,000 remaja lelaki berumur dalam lingkungan 15-19 tahun, manakala kira-kira 919,000 lagi dalam lingkungan umur 20-24 tahun. Jumlah ini meliputi kira-kira 16.5% daripada keseluruhan tenaga kerja lelaki warganegara Malaysia, iaitu seramai 7,202,500 orang.

Manakala remaja perempuan yang bekerja adalah seramai 800,500 orang. Seramai 147,000 daripada remaja perempuan tersebut berumur dalam lingkungan 15-19 tahun, manakala kira-kira 653,500 lagi berumur 20-24 tahun. Jumlah ini meliputi kira-kira 17.3% daripada keseluruhan jumlah tenaga buruh wanita warganegara Malaysia, iaitu 4,628,700 orang.

Data ini juga menunjukkan bahawa daripada segi jumlah, lebih ramai remaja

lelaki yang bekerja berbanding remaja perempuan. Walau bagaimanapun, berdasarkan jumlah keseluruhan tenaga buruh perempuan di Malaysia, peratusan remaja wanita bekerja adalah lebih tinggi sedikit (0.8%) daripada peratusan remaja lelaki bekerja berdasarkan jantina masing-masing. Periksa semula jadual 2.

Berdasarkan jadual 3, jumlah tenaga buruh remaja yang bekerja di Bandar ialah seramai 1,313,700 orang. Seramai kira 240,000 remaja yang bekerja di Bandar adalah dalam lingkungan umur 15-19 tahun, manakala kira-kira satu juta lagi berumur 20-24 tahun. Jumlah ini meliputi sebanyak 15.7% daripada keseluruhan jumlah tenaga buruh warganegara Malaysia yang bekerja di Bandar, iaitu kira-kira seramai 8,358,000 orang.

Manakala tenaga buruh remaja yang bekerja di Luar Bandar pula dianggarkan seramai 671,900 orang. Seramai 170,000 daripada remaja tersebut adalah dalam lingkungan umur 15-19 tahun, manakala kira-kira 500,000 lagi berumur 20-24 tahun. Jumlah ini merangkumi sebanyak

Jadual 3:
Tenaga Buruh Remaja Mengikut Strata

Kumpulan Umur	Bandar	Luar bandar
Jumlah Keseluruhan	8,358,000	3,473,200
15-19	243,100	170,000
%	2.9	4.9
20-24	1,070,600	501,900
%	12.8	14.5
Jumlah Remaja	1,313,700	671,900
%	15.7	19.4

Sumber: "Jadual A2.4" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014).

Jadual 4:
Penduduk Remaja Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan dan Jantina

Kumpulan Umur Remaja	Traf pekerjaan (%)			
	Sebagai Majikan	Bekerja dengan Majikan	Bekerja Sendiri	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji
15-19 tahun (lelaki)	0.1	74.3	7.3	18.2
15-19 tahun (perempuan)	0.0	82.8	3.9	13.2
20-24 tahun (lelaki)	0.7	84.1	8.9	6.3
20-24 tahun (perempuan)	0.4	88.3	5.4	5.9
Purata (%)	0.3	82.4	6.4	10.9

Sumber: "Jadual A4.24" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014).

19.4% daripada keseluruhan tenaga buruh warganegara Malaysia yang bekerja di Luar Bandar, iaitu seramai kira-kira 3,473,200 orang.

Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa daripada segi jumlah, lebih ramai remaja bekerja dalam kawasan Bandar. Namun, berdasarkan peratusan daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh di Bandar dan Luar Bandar, lebih tinggi peratusan remaja yang terlibat dengan pekerjaan di kawasan Luar Bandar. Periksa semula jadual 3.

Berdasarkan jadual 4, hanya segelintir remaja yang menjadi majikan dalam pekerjaan mereka (purata = 0.3%) dengan peratusan yang tinggi ditunjukkan oleh remaja lelaki dalam lingkungan umur 20-24 tahun. Tiada remaja perempuan dalam lingkungan umur 15-19 tahun, yang menjadi majikan dalam pekerjaan mereka.

Penduduk remaja yang bekerja sebagai pekerja kepada majikan berada dalam peratusan paling tinggi. Secara purata, lebih daripada empat perlima (82.4%) remaja bekerja mempunyai majikan.

Peratusan tertinggi ditunjukkan oleh remaja perempuan dalam lingkungan umur 20-24 tahun (88.3%).

Remaja yang bekerja sendiri mencatat peratusan purata ketiga tertinggi (6.4%). Peratusan tertinggi bagi remaja yang bekerja sendiri adalah remaja lelaki dalam kumpulan umur 20-24 tahun.

Lebih daripada 10% remaja bekerja dengan ahli keluarga mereka tanpa diberikan sebarang gaji, dengan peratusan tertinggi ditunjukkan oleh remaja lelaki dalam lingkungan umur 15-19 tahun (18.2%). Periksa semula jadual 4.

Berdasarkan jadual 5, tren penyertaan tenaga buruh remaja menunjukkan peningkatan dan penurunan secara stabil. Secara umumnya, kadar penyertaan remaja berumur 15 hingga 19 tahun, sebagai tenaga kerja, meningkat dalam tempoh empat tahun tersebut. Tren ini ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan jantina, iaitu lelaki dan perempuan, dalam kumpulan umur 15-19 tahun.

Bagi remaja lelaki berumur 15-19 tahun, peningkatan kadar penyertaan berlaku

Jadual 5:
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Remaja Malaysia, 2009-2013

Kumpulan Umur Remaja	Kadar Penyertaan (%)				
	2009	2010	2011	2012	2013
15-19 tahun (lelaki)	21.7	24.0	23.8	23.7	22.7
15-19 tahun (perempuan)	12.5	13.0	13.1	13.3	13.2
20-24 tahun (lelaki)	74.0	74.5	72.9	73.8	73.8
20-24 tahun (perempuan)	53.6	54.1	52.3	51.0	52.2

Sumber: "Jadual C1.2" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014).

secara mendadak dari tahun 2009 ke tahun 2010, tetapi kemudian menurun secara perlahan-lahan pada tiga tahun berikutnya. Bagi remaja perempuan berumur 15-19 tahun pula, peningkatan berlaku secara perlahan-lahan setiap tahun daripada 12.5% kepada 13.2%.

Walau bagaimanapun, secara umum, kadar penyertaan remaja berumur 20-14 tahun, sebagai tenaga kerja, menurun dalam tempoh empat tahun tersebut. Tren ini ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan jantina, iaitu lelaki dan perempuan, dalam kumpulan umur yang sama.

Bagi remaja lelaki, peningkatan kadar penyertaan berlaku dari tahun 2009 ke 2010, penurunan mendadak berlaku pada tahun 2011, dan kemudian sedikit peningkatan berlaku pada tahun 2012, dan kekal statik pada tahun 2013. Sedikit perbezaan berlaku dalam kadar penyertaan remaja perempuan, iaitu peningkatan dan penurunan berlaku berselang-seling dalam tempoh empat tahun tersebut. Kadar penyertaan remaja perempuan, sebagai tenaga buruh, meningkat dari tahun 2009 ke tahun 2010; menurun dalam dua tahun berikutnya; namun meningkat semula pada tahun 2013.

Secara keseluruhannya, kadar penyertaan remaja dalam kumpulan umur 20-24 tahun, sebagai tenaga kerja di Malaysia, adalah lebih tinggi berbanding remaja dalam kumpulan umur 15-19 tahun. Periksa semula jadual 5.

PERBINCANGAN

Keseluruhan statistik yang dipaparkan adalah statistik yang merujuk kepada tenaga buruh warganegara Malaysia. Oleh yang

demikian, berdasarkan jadual 1-4 dalam dapatan kajian, jelas bahawa golongan anak muda Malaysia yang digelarkan sebagai "remaja" telah memberi sumbangan yang sangat besar sebagai tenaga kerja. Remaja Bumiputera adalah yang paling ramai melibatkan diri sebagai tenaga kerja.

Kiraan berdasarkan statistik tersebut menunjukkan bahawa lebih daripada 70 peratus remaja Bumiputera adalah pekerja. Manakala kira-kira 20 peratus lagi tenaga kerja adalah remaja berbangsa Cina. Remaja India mewakili sebanyak 7 peratus tenaga kerja, dan selebihnya adalah pekerja remaja daripada lain-lain bangsa.

Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan bahawa sebahagian besar remaja yang bekerja adalah dalam lingkungan umur 20-24 tahun. Remaja ini berkemungkinan besar telah menghabiskan persekolahan wajib, iaitu sehingga tingkatan lima dan peringkat pra-universiti, atau tingkatan enam. Manakala sebahagian kecil remaja bekerja yang lain memilih untuk menamatkan pengajian sewal peringkat menengah rendah atau hanya setakat tingkatan lima sahaja.

Remaja ini juga tentu mempunyai alasan tersendiri, kenapa mereka memilih untuk bekerja berbanding rakan-rakan lain yang meneruskan pengajian. Malaysia telah menetapkan Dasar Pendidikan Wajib sehingga tingkatan lima (17 tahun). Oleh yang demikian, remaja yang memilih untuk tidak meneruskan persekolahan adalah atas pilihan mereka sendiri. Faktor yang dilihat paling dominan terhadap alasan tersebut ialah faktor keterpaksaan membuat keputusan tersebut, kerana masalah kewangan dan taraf ekonomi keluarga (Anyanwu, 2013; dan Tharmmapornphilas, 2013).

Namun, kajian yang dijalankan oleh D.S. Johnson & M. Lino (2000) menunjukkan bahawa remaja yang bekerja sebenarnya tidak banyak menyumbang kepada ekonomi keluarga. Justeru, ada kemungkinan faktor penarik (*pull factor*) lain, yang mempengaruhi remaja untuk melibatkan diri dalam pekerjaan, seperti faktor demografi (cf Johnson & Lino, 2000; dan Anyanwu, 2013).

Merujuk kepada jadual 3, sebahagian besar remaja bekerja di Bandar. Faktor yang mungkin menarik mereka untuk bekerja di Bandar adalah gaji yang lebih baik. Namun, ada kemungkinan juga remaja ini memang tinggal di Bandar, di mana keluarga mereka adalah dalam kategori miskin di Bandar, yang memerlukan mereka bekerja untuk menampung keperluan keluarga. Hal ini menjelaskan bahawa faktor demografi masih lagi berkaitan dengan faktor ekonomi, yang menjadi alasan utama remaja bekerja.

Faktor infrastruktur yang lebih baik di Bandar juga mungkin menjadi alasan kenapa lebih ramai remaja bekerja di kawasan Bandar (Anyanwu, 2013). Remaja yang bekerja di Bandar biasanya bekerja dalam sektor pekerjaan yang lebih sihat dan selamat, seperti di gerai makan, restoran makanan segera, dan stesen minyak; berbanding sebagai buruh kasar di Luar Bandar.

Justeru, kesihatan dan keselamatan tempat bekerja juga mungkin menjadi salah satu faktor remaja berminat untuk bekerja daripada belajar (cf Linker *et al.*, 2005; dan Runyan *et al.*, 2009). Selain itu, faktor kehilangan minat untuk belajar (Bachman *et al.*, 2013) serta faktor mengikut tren rakan-rakan remaja bekerja (Anyanwu, 2013) adalah antara faktor yang difikirkan mempengaruhi pilihan remaja, sama ada meneruskan pelajaran atau bekerja.

Merujuk kepada jadual 4 pula, lebih 80% daripada para remaja ini bekerja dengan majikan. Mereka berkemungkinan besar bekerja secara sepenuh masa atau separuh masa, dengan jadual masa kerja yang teratur. Bekerja dengan majikan adalah pekerjaan yang selamat berbanding bekerja sendiri. Justeru, faktor keselamatan semasa bekerja (Runyan *et al.*, 2009) adalah antara kemungkinan yang menjadi sebab memilih

untuk bekerja dengan majikan, selain faktor kewangan yang lebih terjamin.

“Jadual A4.16” dalam JPM (Jabatan Perangkaan Malaysia), tahun 2014, yang bertajuk *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*, menunjukkan peratusan terbesar pekerjaan remaja Malaysia adalah dalam industri perdagangan borong dan runcit, serta pembalik kenderaan bermotor, selain industri pembuatan. Industri tersebut melibatkan penggunaan kekuatan fizikal dan alatan yang boleh membahayakan remaja. Justeru, pilihan remaja untuk bekerja dengan majikan dalam pekerjaan tersebut adalah pilihan yang sesuai.

Kadar penyertaan tenaga buruh remaja menunjukkan tren yang meningkat dalam jadual 5, terutamanya bagi kategori umur 15-19 tahun. Walaupun kadar peningkatan tersebut tidak ketara, boleh disimpulkan bahawa semakin ramai remaja memilih untuk tidak menyambung pelajaran atau menyambung pelajaran, tetapi dalam masa yang sama turut bekerja. Remaja yang memilih untuk bekerja secara separuh masa pula mempunyai banyak peranan dan tanggung jawab. Kemungkinan pekerjaan separuh masa remaja tersebut mengganggu pembelajaran adalah amat tinggi, terutamanya bagi pekerjaan shif malam dan waktu kerja yang panjang (Da Luz *et al.*, 2012; dan Leos-Urbel, 2014).

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa bekerja dalam usia muda akan membantu remaja membentuk sikap tanggungjawab yang lebih tinggi (Salusky *et al.*, 2014), terutamanya dalam kalangan remaja yang bekerja untuk membantu ekonomi keluarga. Remaja bekerja juga berkeupayaan untuk membina tahap kecekapan diri yang tinggi (Cunnier, Rogers & Mortimer, 2009) hasil daripada tanggungjawab dan peranan yang dipikul.

Kehidupan bekerja dan bergaul bersama-sama orang yang lebih tua menyebabkan sebahagian remaja ini belajar *berdikari* (berdiri di atas kaki sendiri), membina keyakinan diri, serta lebih perihat terhadap keperluan ahli keluarga yang lain. Pengalaman ini menyebabkan mereka

menjadi lebih bertanggungjawab terhadap keluarga dan kerja mereka. Sememangnya, boleh diakui bahawa pekerjaan mempunyai kesan positif terhadap perkembangan diri remaja yang bekerja (Kaestner *et al.*, 2013).

Remaja yang memilih untuk bekerja secara terpaksa atau rela hati menyedari bahawa mereka mempunyai tanggungjawab lebih berat daripada rakan-rakan mereka yang masih belajar. Mereka perlu belajar untuk mengurus kewangan daripada gaji yang mereka dapat. Mereka juga perlu belajar menguruskan masa bekerja dengan masa untuk keluarga. Mereka belajar untuk mendisiplinkan diri, jika bekerja dengan majikan. Malah mereka juga perlu belajar bagaimana untuk meningkatkan pendapatan harian atau bulanan.

Semua pembelajaran tidak langsung ini membentuk diri mereka menjadi individu yang lebih cekap bekerja dan lebih bertanggung jawab. Justeru, sebagai warga dalam sebuah masyarakat yang perihatin adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk turut membantu remaja ini mengembangkan potensi diri mereka melalui peningkatan kemahiran dalam pekerjaan yang sedang mereka lakukan, atau untuk kembali menyambung pelajaran bagi mendapat taraf pendidikan yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Remaja bekerja tidak harus dipandang serong. Mereka juga adalah sebahagian daripada ahli masyarakat yang tidak harus diabaikan. Kita tidak boleh menyamaratakan mereka seperti golongan dewasa yang memasuki alam pekerjaan dengan persediaan yang rapi dan kematangan untuk membuat keputusan. Mereka adalah golongan yang harus diberi perhatian.

Kita sedia maklum bahawa antara faktor utama kebanyakan remaja memilih untuk bekerja adalah atas desakan ekonomi keluarga dan kehilangan minat untuk meneruskan pelajaran. Justeru, mereka harus diperkasakan dengan kemahiran yang bersesuaian agar dapat melalui kehidupan bekerja yang lebih berkualiti. Kita tidak mahu remaja yang tidak terbelia ini menginjak ke alam dewasa

dengan kemahiran bekerja yang sangat terhad, berkeluarga, dan meneruskan kesinambungan hidup sebagai buruh kasar sahaja. Atas desakan ekonomi, anak-anak mereka dan generasi seterusnya akan meneruskan rantai kemiskinan ini, yang akan menjadi semakin panjang dan lebar.

Kebanyakan program yang melibatkan remaja di Malaysia adalah program yang melibatkan aktiviti kesukarelawanan untuk remaja yang masih belajar. Remaja bekerja dianggap sebagai orang dewasa yang memikul tanggung jawab setimpal dengan orang dewasa yang bekerja. Anggapan ini menyebabkan para remaja berkenaan tidak diberi latihan berterusan dan disediakan dengan kemahiran yang dapat membantu mereka memperbaiki taraf hidup.

Memang tidak dinafikan, ada beberapa pusat pendidikan di Malaysia, seperti contoh Kolej Komuniti, yang menyediakan kemudahan untuk para remaja ini mendapatkan kemahiran tertentu secara jangka panjang atau jangka pendek. Namun, kita juga harus mengakui bahawa remaja bekerja ini kebanyakannya adalah dalam kategori buruh, yang waktu kerjanya sangat panjang, mungkin satu hari cuti hujung minggu atau mungkin tiada cuti, kerana mereka melakukan pekerjaan yang lain di hujung minggu. Mereka juga mempunyai masalah kekangan kewangan untuk membayar yuran pengajian, walaupun sedikit nilainya.

Oleh yang demikian adalah wajar bagi beberapa pihak dalam masyarakat, seperti para majikan, badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan atau NGO (*Non Governmental Organization*), dan pemimpin-pemimpin masyarakat mengambil berat hal tersebut agar remaja ini dapat dibiayai dan dibimbing untuk mendapat kemahiran yang sepatutnya.

Banyak negara yang sedang membangun, seperti Brazil, telah memulakan langkah ini demi memastikan para remaja mereka diperkasakan dan dapat meningkatkan kualiti kehidupan. Tindakan ini sangat perlu bagi membantu remaja meningkatkan pendapatan dan taraf hidup di masa hadapan, dan seterusnya meningkatkan

kualiti hidup mereka.

Jika tidak, mereka kekal sebagai pekerja yang tidak berkemahiran dan tidak berupaya untuk meningkatkan status sosio-ekonomi mereka sendiri. Potensi dan peluang mereka untuk berkembang menjadi tenaga mahir dan berkepakaran dinafikan; dan kegagalan ini adalah kegagalan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.¹

Referensi

- Anyanwu, J.C. (2013). "Characteristics and Macroeconomics Determinants of Youth Employment in Africa" dalam *African Development Review*, 25(2), ms.107-129.
- Bachman, J.G. et al. (2013). "Adolescent Work Intensity, School Performance, and Substance Use: Link Vary by Race/Ethnicity and Socioeconomic Status" dalam *Developmental Psychology*, 49(11), pp.2125-2134.
- Barus, Cristedi Permana. (2013). "Sosial-Ekonomi Keluarga dan Hubungannya dengan Kenakalan Remaja di Desa Lantasan Baru, Kecamatan Patumbak, Kabupaten Deli Serdang". Wujud secara online di: file:///C:/Users/acer/Downloads/2138-5672-1-PB.pdf [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: Mac 11, 2015].
- Bungin, B. (2003). *Analisis Data Penelitian Kualitatif*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, Terjemahan.
- Campos, A.C.V. et al. (2014). "Empowerment and Quality of Life of Working Adolescents Supported by a Brazilian NGO" dalam *Saude E Sociedade*, 23(1), ms.238-250.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design*. California: Sage Publications, Inc.
- Cunnier, K.A., N.M. Rogers & J.T. Mortimer. (2009). "Adolescent Work Experience and Self-Efficacy" dalam *International Journal of Sociology and Social Policy*, 29(3/4), ms.164-175.
- Da Luz, A.A. et al. (2012). "Effects of Working Full-Time and Studying in the Evening Hours among Young Apprentices and Trainees" dalam *Human Factors*, 54(6), ms.952-963.
- "Jadual A2.2" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia]. (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- "Jadual A2.3" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- "Jadual A2.4" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- "Jadual A4.16" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia]. (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- "Jadual A4.24" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- "Jadual C1.2" dalam JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia] (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- Johnson, D.S. & M. Lino. (2000). "Teenagers: Employment and Contributions to Family Spending" dalam *U.S. Bureau of Labor Statistics: Report on the Youth Labor Force*. Washington, DC: Author.
- JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia]. (2014). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bulan Jun.
- Kaestner, R. et al. (2013). "Youth Employment and Substance Use" dalam *Social Science Research*, 42(1), ms.169-185.
- Leos-Urbel, J. (2014). "What is a Summer Job Worth? The Impact of Summer Youth Employment on Academic Outcomes" dalam *Journal of Policy Analysis and Management*, 33(4), ms.891-911.
- Linker, D. et al. (2005). "Health and Safety Awareness for Working Teens: Developing a Successful, Statewide Program for Educating Teen Workers" dalam *Family & Community Health*, 28(3), ms.225-238.
- Malek, Mohd Dahlan A. & Ida Shafinaz Mohamed Kamil. (2010). "Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber". Wujud secara online di: <http://eprints.ums.edu.my/117/1/CONF2010004.pdf> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: Mac 11, 2015].
- Runyan, C.W. et al. (2009). "Attitudes and Beliefs about Adolescent Work and Workplace among Parents of Working Adolescents" dalam *Journal of Adolescent Health*, 44(4), pp.349-355.
- Salusky, I. et al. (2014). "How Adolescents Develop Responsibility: What Can be Learned from Youth Programs" dalam *Journal of Research on Adolescence*, 24(3), ms.417-430.
- Tharmmapornphilas, R. (2013). "Impact of Household Factors on Youth's School Decisions in Thailand" dalam *Economics of Education Review*, 37, ms.258-272.

¹**Kenyataan:** Dengan ini saya menyatakan bahwa artikel ini adalah dapatkan penyelidikan saya persendirian; jadi, ianya bukanlah dapatkan daripada amalan plagiarism. Saya juga membuat kenyataan bahawa artikel ini belum dinilai dan tidak dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk disiarkan.